


PRAKTIS UJIAN AKHIR TAHUN

1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (A–F) di dalam kotak jawapan yang betul.

- | | | |
|---|--------------------------|-----|
| (a) Danial menanam pokok. | ☐ | [1] |
| (b) Dia memotong rumput. | ☐ | [1] |
| (c) Kemudian dia membuang daun-daun kering. | ☐ | [1] |
| (d) Danial membaca majalah tanaman. | ☐ | [1] |
| (e) Danial membeli pokok bunga di kedai. | ☐ | [1] |

[Jumlah: 5]

2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di muzium



Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (A–H) dalam kotak.

- | | | |
|--|--------------------------|-----|
| (a) Anda harus guna kemudahan ini untuk naik dengan cepat. | ☐ | [1] |
| (b) Apabila anda mahu pulang, ikut laluan ini. | ☐ | [1] |
| (c) Kalau anda lapar anda boleh pergi ke sini. | ☐ | [1] |
| (d) Anda mahu beli hadiah untuk ibu anda. | ☐ | [1] |
| (e) Orang ramai datang untuk melihat pameran ini. | ☐ | [1] |

[Jumlah: 5]

Hi Tony,

Ada berita baik! Abang saya sudah lulus peperiksaannya dan dia akan menjadi seorang doktor haiwan! Kami semua sangat gembira kerana abang saya suka haiwan.

Nasib baik dia dapat bekerja di bandar ini dan akan mula bekerja pada bulan depan.

Saya juga ingin menjadi seorang doktor, tetapi saya mahu merawat orang sakit, terutama sekali kanak-kanak. Kalau saya mahu berjaya, saya mesti rajin belajar.

Semasa saya dan abang saya masih kecil, kami bercita-cita untuk menjadi arkitek sebab kami berdua suka melukis dan suka melihat bangunan-bangunan yang cantik berdekatan rumah kami.

Semasa abang berusia 17 tahun, dia bekerja dengan badan amal yang menjaga haiwan dan sejak itu, dia berasa lebih pasti bahawa dia mahu bekerja dengan haiwan.

Saya juga berharap untuk mencapai cita-cita saya.

Adam

(a) Adam memberitahu Tony berita ...

A sedih

☐

B gembira

☐

C kecewa

☐

[1]

(b) Abang Adam gemar ...

A binatang

☐

B tanaman

☐

C pakaian

☐

[1]

(c) Di manakah dia akan mula bekerja?

- A di luar negara ☐
- B di kampung ☐
- C di kota raya ☐

[1]

(d) Apakah Adam ingin buat pada masa depan?

- A mengajar di sekolah ☐
- B menolong pesakit ☐
- C membantu haiwan ☐

[1]

(e) Untuk berjaya mereka mesti ...

- A bergotong-royong ☐
- B rajin belajar ☐
- C selalu bersenam ☐

[1]

(f) Semasa kecil, apakah yang Adam dan abangnya suka buat?

- A melukis ☐
- B melancong ☐
- C membaca ☐

[1]

(g) Apakah perasaan abang Adam tentang pilihan kerjayanya?

- A lebih yakin ☐
- B kurang faham ☐
- C sangat bimbang ☐

[1]

[Jumlah: 7]